

RANCANGAN PERNIAGAAN
ETR 300

PEMROSESAN KEREPEK UDANG
DAN CAKAR AYAM

SESI DIS / APRIL 2000



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh:
Surat Tuan:
Surat Kami:

21 Januari 2000

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963

100-CM(AKA 37/B)

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Perakaunan di Universiti Teknologi MARA, Kampus Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Shamshul Izhar b. Mohd Salleh	97100197
2.	Norman Selamat	97099282
3.	Norman Basiron @ Kadir	97371719
4.	Abdul Halim b. Halid	97307595
5.	Nik Syamsul Faizal Mazlan	97302723
6.	Azhaari b. Hashim	97101280

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

AZIZAH DOLAH
Ketua Kursus DIA
UiTM Kampus Melaka.
b/p Provos

SURAT PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN

SYARIKAT ANEKA FOOD INDUSTIRES

Diploma Perakaunan

Kajian Perakaunan

Institut Teknologi Mara

Cawangan Melaka

78000 Alor Gajah

Melaka

20 March 2000

Pn. Anita Bte Jamil

Pensyarah ETR 300

Institut Teknologi Mara

Km, 26 Jalan Lendu

78000 Alor Gajah

Melaka.

Puan,

PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN SYARIKAT ANEKA FOOD

INDUSTRI


Merujuk kepada perkara di atas, di sini kami menyerahkan Laporan Rancangan Perniagaan kami kepada puan. Projek perniagaan yang kami jalankan adalah merupakan perniagaan pengedaran dan pembuatan keropok

Syarikat kami ini ditubuhkan pada dasarnya adalah untuk membuat dan mengedar keropok. Dengan tertubuhnya syarikat ini dapatlah sedikit sebanyak membantu negara ini sebagai sebuah negara perindustrian.


Dalam menyiapkan Rancangan Perniagaan ini, kerjasama daripada pelbagai pihak telah kami perolehi dan kami amat menghargai bantuan-bantuan yang telah diberikan.

Akhir sekali, adalah diharapkan kertas kerja ini akan dapat digunakan bagi sumber penyelidikan untuk usaha-usaha membuka perniagaan yang serupa dengannya.


Yang benar,


.....
Norman Bin Selamat


97099282


.....
Shamshul Izhar Bin Mohd Salleh

97100197



.....
Nik Syamshul Faizal Bin Madzlan

97302723


.....


Norman Bin Basiron @ Kadir

97371719


.....
Azahari Bin Hashim

Azahari Bin Hashim

97101280


.....
Abdul Halim Bin Halid

Abdul Halim Bin Halid

97307595

PENGENALAN

Syarikat Aneka Food Sdn. Bhd merupakan syarikat yang menawarkan makanan tradisoanal yang dijangka akan memberikan keuntungan yang banyak. Perniagaan yang dijangka akan beroperasi pada Bulan December 2003 berhasrat memenuhi keperluan aneka keropok untuk citarasa masyarakat tempatan yang inginkan kelainan .

Lokasi perniagaan kami bertempat di kawasan perindustrian Kelemak . Kilang ini merupakan sebuah kilang memproses dan mengedar aneka keropok dan makan tradisional yang menawarkan pelbagai pilihan keropok di sekitar Kelemak ,Alor Gajah ,Melaka dan bahagian selatan semenanjung Malaysia. Kami memilih tempat ini kerana ia merupakan kawasan yang sesuai untuk menjalankan operasi syarikat iaitu proses pembuatan yang mana memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk kawasan operasi.Kawasan perindustrian tersebut juga berdekatan dengan bandar Melaka dan Alor gajah yang hanya sejauh 20 KM dan 2 KM. Kemudahan yang disediakan juga adalah lengkap dengan kemudahan seperti air, elektrik dan jalan raya, Projek ini juga untuk memenuhi keperluan matapelajaran Asas Keusahawanan(ETR 300).

Kami bercadang untuk memperkenalkan makanan tradisional ini supaya dapat bersaing dengan makanan dari negara luar .Pada pendapat kami perniagaan ini dapat berkembang dengan lebih meluas lagi kerana ianya mempunyai permintaan yang banyak dan keadaan pasaran yang mempunyai potensi untuk maju.